

# Ingin genggam ijazah kedoktoran

Pengorbanan ibu, obor pembakar semangat



Oleh HAMIZUL ABDUL HAMID

JANJI temu yang diatur, berjalan lancar. Perkarangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor nampak lengang. Maklumlah cuti semester masih berbaki, mahasiswa masih kurang. Dalam ketenangan itu, penungguan krew *Jejak Asnaf* untuk bersempena dengan gadis manis berusia 24 tahun akhirnya terkabul. Kali ini, penulis ingin bawakan kisah Nur Hafizah Razali, calon ijazah kedoktoran (Ph.D) di UPM untuk tataran semua.

"Saya anak keempat daripada lima adik-beradik. Emak saya, Faridah Muhammad Said, 53 adalah insan yang begitu banyak menyuntik motivasi kepada saya untuk mampu berada di kedudukan sekarang ini. Sering kali, saya akan ingat kesusahan emak membesarakan kami adik-beradik, dua lelaki dan tiga perempuan sebagai obor yang menghangatkan semangat saya."

Kisahnya, Hafizah kehilangan ayah tersayang, seorang anggota polis semasa usianya baru 13 tahun, dia masih mentah dan lembut ubun-ubun. Hafizah masih ingat, ayahnya terkena serangan buah pinggang, sakit hanya seketika lalu meninggal dunia. Lebih mendukacitakan, insiden itu berlaku pada bulan puasa beberapa hari sebelum menjelang hari raya. Semenjak itulah, ibunya bingkas menjadi galas, memikul segala kewajipan membesarakan mereka.

"Ayah hanya meninggalkan pencer-

bulanan sebanyak RM600. Logiknya, ia pasti tidak mencukupi bagi keperluan kami sekeluarga. Maka, saya masih ingat betapa emak sanggup menggadaikan emas perhiasannya untuk kami. Mujurlah, nenek dan datuk masih ada, maka mereka lah yang banyak membantu kami semua."

Hafizah juga masih ingat, selepas pemergian ayah, mereka pulang dan menetap di Selangor, iaitu di Pulau Carey. Neneknya mempunyai sebuah gerai dan di situ, lalu emaknya membuat kuih-muih dan menjual makanan demi menambah rezeki sehingga kini.

"Datuk pula, memang seorang amil zakat fitrah di kampung. Melihat kesusahan emak membesarakan kami anak-anaknya, datuk mencadangkan kepada emak agar memohon bantuan zakat. Alhamdulillah, sejak 2006 kami sudah mendapat pelbagai bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS)."

Hakikatnya, kehidupan Hafizah sekeluarga memang mulai berubah setelah LZS menyalurkan bantuan kepada mereka. Sejak di alam persekolahan lagi, LZS telah memberikan banyak bantuan kepada dirinya dan adik-beradik. Sehingga di UPM, selama enam semester LZS telah menyalurkan wang belanja sebanyak RM1,500 bagi setiap semester. Semasa mendapat tawaran ke peringkat Ph.D, LZS turut menjelaskan yuran permulaan sebanyak RM2,000.

Mengimbau kenangan suka-dukanya,



Hafizah akui bahawa dahulu mereka sekeluarga sering menahan sabar. Apa yang diingini, belum tentu diperoleh. Namun, satu hikmah yang dia sendiri rasai kini, kesusahan itulah yang menjadi rencah kehidupan sehingga dia menjadi matang mendepani kehidupan yang mendatangi diri.

"Saya akan terus kenang saat-saat susah itu untuk terus kekal bersemangat. Saya juga tidak mau emak terus bekerja demi menara kami semua. Maka, saya mesti bergelut mencapai kecemerlangan dalam akademik, khususnya di universiti."

Ternyata, Hafizah merealisasikan dua impian dalam satu masa. Pertama, impian ibunya agar dia berjaya, kedua impiannya sendiri untuk meraih cita-cita.

"Saya berjaya mendapat Ijazah Kelas Pertama dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.78 semasa ijazah pertama saya di UPM dan kemudiannya, diterima langsung melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang Bahasa Melayu. *Insya-Allah*, pengajian saya di sini bakal ditanggung sepenuhnya oleh biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia."

● PENULIS ialah Eksekutif Dakwah di Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

## Tolong doakan saya

HAKIKATNYA, kejayaan Nur Hafizah Razali itu telah menjadi kebanggaan buat emak di kampung, termasuklah datuk dan neneknya. Malah dia tidak lokek mengaku, LZS turut membantu dia mencapai cita-citanya itu.

"Bagi saya, kejayaan ini turut disangga oleh pihak LZS. Zakat yang dihulur, telah banyak meringankan beban sebenarnya. Bagi kami juga, zakat bukan sekadar meringankan beban pelajaran, malah dalam semua aspek kehidupan. Apatah lagi LZS menyantuni kami secara berpanjangan, maka ia dapat memberikan kami keyakinan untuk berubah. Bagi kami, zakat memang amat bermakna."

Kecemerlangan yang dibuktikan Hafizah adalah suatu daripada ribuan 'buah-buah' yang sedang bergelayutan di dahan LZS. Kelak, apabila buah-buah ini meranum dan gugur, ia diharapkan mampu menjadi wahana untuk manfaat orang lain. Malah, biarlah ia juga menjadi biji benih yang baik demi menumbuhkan lebih banyak pohon yang rendang, lebat daunnya dan berbua ranum untuk terus dikecapi kebaikannya seisi dunia.

"Tolong doakan saya di sini untuk terus berjaya. Cita-cita saya, tidak lain tidak bukan, saya mahu menjadi seorang pensyarah. Malah, suatu masa kelak saya juga mahu menjadi penyumbang kepada LZS, *insya-Allah*. Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah membantu saya dan keluarga selama ini."

Tuntas Hafizah menamatkan perbualan santai kami di kerusi kayu, di bawah bangunan utama fakulti. Angin yang berhembus, membawa sama segugus harapan agar Hafizah berjaya meraih cita-cita dan impiannya. Ini kerana, dalam hidup ini, Allah SWT hanya berpesan mudah, apabila kamu berazam maka bertawakkallah. Kejayaan itu juga milik semua orang. *Manjadda wajada*, sesiapa yang berusaha pasti berjaya. *Mansabra zafira*, siapa yang sabar pasti kelak meraih untungnya. *Wallahu'lam*.

NUR Hafizah Razali akan sentiasa menjadikan pengalaman silam sebagai pemangkin semangat.



PUTRA 3.1

FAKULTI BAHASA MODEN  
DAN KOMUNIKASI

- Pejabat Pentadbiran Dan Akademik